

AL- WASITAH DELIMA

TERMA & SYARAT

Oktober 2023

Versi 1.0



RANCANG HARTA DAN URUS PUSAKA
KINI
TEPAT & MUDAH

WASIYYAH SHOPPE BHD 200401012968(651471-T)
A-G-07, DATARAN CASCADES, NO 13A, JALAN PJU 5/1,
KOTA DAMANSARA PJU 5, 47810 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN

telewasiyyah@wasiyyahshoppe.com.my

Careline: 603-7680 2000

Talian Umum: 603-7625 1125

www.wasiyyahshoppe.com.my

TERMA DAN SYARAT JENIS PERKHIDMATAN : AL-WASITAH DELIMA.

TERMA RUJUKAN

‘**Syarikat**’ merujuk kepada Wasiyyah Shoppe Berhad 200401012968 (651471 – T) sebuah syarikat amanah berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949, organisasi yang berkepakaran di dalam pengurusan harta pusaka dan perancangan harta secara Syariah yang beralamat di A-G-07, Dataran Cascades, No 13A, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor atau apa-apa alamat perniagaan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa kepada **Pelanggan**.

‘**Pelanggan**’ merujuk kepada individu yang namanya tercatat di dalam KAD LEGASI, sijil perkhidmatan dan sistem e-mawarith **Syarikat**. **Pelanggan** ialah pihak yang telah membayar untuk mendapatkan perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan di dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan perkhidmatan ini dan langganannya kekal sah mengikut Terma dan Syarat Perkhidmatan ini.

‘**Al-Wasitah Delima**’ merujuk kepada spesifikasi perkhidmatan yang dilanggan Pelanggan di dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan ini.

‘**Terma dan Syarat Perkhidmatan**’ merujuk kepada segala peruntukan Terma dan Syarat Perkhidmatan yang dinyatakan di sini yang menetapkan spesifikasi perkhidmatan yang diterima **Pelanggan** serta telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak **Syarikat** dan **Pelanggan**.

ISI KANDUNGAN

1.	PERUNTUKAN AM	3
1.1	MAKLUMAT AM.....	3
1.2	AKAD DAN TANGGUNGJAWAB.....	3
1.3	MANFAAT UTAMA.....	3
1.4	PENGESAHAN LANGGANAN.....	4
1.5	KELAYAKAN UMUR PELANGGAN.....	4
1.6	TEMPOH BERTENANG.....	4
1.7	TANGGUNGJAWAB SYARIKAT DAN PELANGGAN.....	5
1.8	FI PERKHIDMATAN AL-WASITAH DELIMA.....	5
1.9	APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH TIGA PULUH (30) HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN AL-WASITAH.....	8
1.10	NOTIS PINDAAN.....	9
1.11	PENAKTIFAN SEMULA.....	10
1.12	PERTUKARAN PERKHIDMATAN LANGGANAN AL-WASITAH.....	11
1.13	PEMBATALAN.....	12
1.14	RISIKO YANG DIKECUALIKAN.....	12
1.15	AKAUN TABARRU'.....	13
2.	MANFAAT UNTUK PELANGGAN / WARIS	17
2.1	PERKHIDMATAN KETIKA HIDUP UNTUK PELANGGAN.....	17
2.2	PERKHIDMATAN UNTUK WARIS SELEPAS KEMATIAN PELANGGAN.....	19
2.3	KHAIRAT KEMATIAN RM1,000.00.....	22
2.4	TAHAP MAKSIMA TANGGUNGAN.....	23
3.	INDEMNITI SYARIKAT	28
3.1	TUJUAN :.....	28
	LAMPIRAN 1	30

1. PERUNTUKAN AM

1.1 MAKLUMAT AM.

AI-Wasitah dari segi bahasa bermaksud '**PERANTARA**'. Ia adalah perkhidmatan "*proprietary*" unik yang dibangunkan oleh **Syarikat** dengan tujuan utama untuk membantu meringankan beban proses dan kewangan waris di dalam urusan tuntutan harta pusaka **Pelanggan**.

1.2 AKAD DAN TANGGUNGJAWAB.

Langganan perkhidmatan **AI-Wasitah Delima** yang telah diadakan di antara **Pelanggan** dengan wakil sah **Syarikat** adalah di atas sifat redha meredhai iaitu **Pelanggan** redha membayar fi perkhidmatan mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam **LAMPIRAN 1** bagi mendapatkan perkhidmatan mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini manakala **Syarikat** melalui wakil sahnya redha menerima bayaran bagi tujuan memberikan perkhidmatan berdasarkan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

Kedua-dua pihak **Pelanggan** dan **Syarikat** dengan ini faham dan bersetuju bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah peruntukan yang dipersetujui bersama (*mutually agreed upon*) bagi transaksi ini dan sebarang perselisihan pada masa hadapan (*future dispute*) (jika ada) akan dirujuk kepada peruntukan didalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.3 MANFAAT UTAMA.

Manfaat utama perkhidmatan **AI-Wasitah Delima** ialah untuk membantu waris **Pelanggan** melalui proses tuntutan harta pusaka **Pelanggan**. Walau bagaimanapun manfaat ini hanya boleh dinikmati waris sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia dalam keadaan langganan perkhidmatannya masih sah (*valid*) mengikut rekod sistem yang ada di **Syarikat**.

1.4 PENGESAHAN LANGGANAN.

Sebagai pengesahan langganan perkhidmatan **Al-Wasitah Delima, Pelanggan** akan menerima KAD LEGASI dan sijil perkhidmatan bersama-sama **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini. KAD LEGASI hanya akan dikeluarkan sekali seumur hidup namun kesahihannya (*validity*) adalah tertakluk kepada bayaran fi perkhidmatan berdasarkan rekod **Syarikat** serta peruntukan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini. Jenis perkhidmatan Al-Wasitah yang dilanggan **Pelanggan** adalah tertakluk kepada sijil perkhidmatan yang disertakan bersama **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.5 KELAYAKAN UMUR PELANGGAN.

Pelanggan Al-Wasitah Delima hanya boleh terdiri dari individu yang beragama Islam, berumur di antara 18 hingga 60 tahun sahaja ketika langganan bermula dan mempunyai akaun bank sahaja.

1.6 TEMPOH BERTENANG.

Pelanggan mempunyai tempoh bertenang (*cooling-off period*) **selama tujuh (7) hari** dari tarikh penghantaran terma dan syarat perkhidmatan. Di dalam tempoh ini, **Pelanggan** mempunyai hak untuk membatalkan langganan perkhidmatan **Al-Wasitah Delima** dengan menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000** dan juga dengan menghantar borang bertulis ke **Pusat Perkhidmatan Pelanggan** dengan merujuk seperti di bawah :

1.6.1 Tempoh Bertenang “Cooling- off Period” :

Tempoh bertenang adalah **tujuh (7) hari** dari tarikh penghantaran terma dan syarat perkhidmatan. Jika berlaku pembatalan dalam tempoh tersebut, **semua** pembayaran yang diterima akan dikembalikan kepada **Pelanggan** dengan syarat borang bertulis telah diterima oleh **Syarikat** dalam tempoh bertenang. Borang bertulis tersebut boleh dihantar sama ada secara tangan, pos ke pejabat **Syarikat, Helpdesk** atau e-mel **Syarikat**.

1.6.2 Selepas Tempoh Bertenang **Tujuh (7) hari:**

Jika berlaku pembatalan selepas tamat tempoh tujuh (7) hari yang diperuntukkan, **tiada** pemulangan wang (*refund*) untuk fi perkhidmatan yang telah dibayar akan dibuat.

1.7 TANGGUNGJAWAB SYARIKAT DAN PELANGGAN.

Tanggungjawab **Syarikat** di dalam melaksanakan hak **Pelanggan** yang diperuntukkan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada tanggungjawab yang telah dilaksanakan **Pelanggan** mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

Syarikat mempunyai tanggungjawab dalam memastikan pengurusan data peribadi Pelanggan adalah berdasarkan 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi.

Pelanggan dan waris yang didaftarkan sahaja mempunyai akses untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan.

Pelanggan mempunyai tanggungjawab untuk memberikan dokumen sokongan kepada Dai'e untuk diserahkan kepada pihak Syarikat bagi proses dokumentasi.

Bagi penghantaran dokumen **pelanggan** secara pos keluar negara (selain dalam Malaysia), pihak Syarikat tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran. Pelanggan atau Dai'e perlu bertanggungjawab untuk menanggung sendiri kos penghantaran sehingga akhir proses penghantaran. Caj tertakluk kepada liabiliti pelanggan.

1.8 FI PERKHIDMATAN AL-WASITAH DELIMA.

1.8.1 Pelanggan faham dan bersetuju untuk membayar fi mengikut

kategori umur bagi mendapatkan perkhidmatan **AI-Wasitah Delima** seperti yang diperincikan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dan pecahan bayaran fi perkhidmatan ini adalah mengikut pecahan dan bagi tujuan seperti di dalam **LAMPIRAN 1**.

1.8.2 Sumbangan tabarru’.

Sebahagian dari bayaran Pelanggan adalah sumbangan tabarru’ seperti dinyatakan di dalam **LAMPIRAN 1** yang dibayar **Pelanggan** akan dikreditkan ke dalam satu Akaun Tabarru’ yang **dipegang secara amanah (hold on trust)** oleh **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah (Trustee)** bagi pihak kesemua **Pelanggan (Benefisiari)** perkhidmatan **AI-Wasitah Delima** dan diuruskan seperti di dalam klausa 1.15 dibawah.

1.8.3 Pelanggan faham dan bersetuju bahawa fi perkhidmatan yang dibayar **Pelanggan** seperti pecahan di dalam **LAMPIRAN 1**, adalah untuk mendapatkan perkhidmatan seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini sahaja dan bukan bagi sebarang aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang.

1.8.4 Fi perkhidmatan ini perlu dibayar secara bulanan iaitu selama 15 tahun (180 bulan) secara berturut-turut setiap bulan dari tarikh fi perkhidmatan pertama dibayar sehingga cukup tempoh tersebut atau sehingga pelanggan meninggal dunia, yang mana satu lebih awal.

1.8.5 Sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia di dalam keadaan bayaran fi perkhidmatannya belum mencapai tempoh yang ditetapkan (180 bulan) seperti klausa 1.8.4 di atas, kesemua **Pelanggan** yang merupakan benefisiari kepada **Akaun Tabarru’** ini bersetuju supaya kos bagi menampung perkara seperti dinyatakan di dalam klausa 2.2 dan 2.4 di bawah akan ditampung dari **Akaun Tabarru’** yang disumbang oleh kesemua **Pelanggan**.

1.8.6 Syarat lain untuk bayaran fi perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

1.8.6.1 Sepanjang tempoh yang dinyatakan di dalam klausa 1.8.4 di atas, **Pelanggan** hanya dibenarkan untuk membayar fi perkhidmatan ini melalui saluran bayaran (*payment channel*) yang ditetapkan oleh **Syarikat** sahaja.

1.8.6.2 Waris hanya berhak menikmati perkhidmatan seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini jika **Pelanggan** meninggal dunia dalam keadaan **Pelanggan** telah membayar sebanyakminima 6 kali bayaran kecuali bagi kematian yang disebabkan oleh kemalangan dan penyakit covid 19 di mana pembayaran lulus sebelum disahkan positif. Adalah dipersetujui bersama bahawa sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia di dalam keadaan fi perkhidmatannya tidak berbayar (*lapse*) atau kurang dari tempoh yang ditetapkan di dalam klausa 1.8.6.2 di atas, maka waris **TIDAK AKAN MENERIMA** apa-apa perkhidmatan seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini **KECUALI** :

1.8.6.2.1 Waris masih boleh mendapatkan perkhidmatan khidmat nasihat **PERCUMA** mengenai proses pengurusan harta pusaka.

1.8.6.2.2 Untuk perkhidmatan di 1.8.6.2.1 di atas, waris perlu hadir sendiri ke Pejabat **Syarikat** pada hari bekerja dan waktu bekerja yang ditetapkan oleh **Syarikat**.

1.8.6.2.3 Sekiranya waris memilih untuk

menggunakan perkhidmatan **Syarikat** bagi proses pengurusan harta pusaka **Pelanggan**, waris perlu membayar mengikut caj yang ditetapkan **Syarikat**.

1.8.6.3 Adalah dipersetujui bersama bahawa caj kewangan (*financial charges*) yang dikenakan oleh institusi kewangan bagi tujuan potongan akaun secara bulanan adalah tanggungan **Pelanggan** dan tidak membentuk sebahagian dari fi perkhidmatan. Syarat-syarat kepada bayaran caj kewangan (*financial charges*) ini adalah seperti pada **Lampiran 1**.

1.9 APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH TIGA PULUH (30) HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN AL-WASITAH.

Tarikh pendaftaran bermaksud tarikh fi perkhidmatan pertama diterima oleh **Syarikat** dari saluran bayaran (*payment channels*) atau apa-apa kaedah bayaran lain. **Pelanggan** akan menerima perkara berikut di dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari pada tarikh ini:

1.9.1 Dokumen Pelantikan Wasi / Pentadbir dan Dokumen Wasiyyah 1/3 (di atas permintaan **Pelanggan**).

1.9.2 Kad Legasi. Kad ini merupakan kad identifikasi **Pelanggan Syarikat**. Sebaiknya ia hendaklah disimpan di dalam dompet berserta dengan kad-kad lain seperti kad pengenalan dan kad bank. Apabila berlaku kematian kepada **Pelanggan**, waris perlu menghubungi **CARELINE** di **03-7680 2000** atau apa-apa nombor yang ditetapkan **Syarikat** untuk mendapatkan perkhidmatan. Sekiranya terdapat **permohonan kali ke-empat** untuk cetakan semula, pihak syarikat berhak mengenakan caj kepada pelanggan.

1.9.3 Sijil Perkhidmatan. Sijil ini disediakan bertujuan untuk

mengesahkan status langganan perkhidmatan **Syarikat** yang dilanggan **Pelanggan**.

Sekiranya berlaku sebarang perubahan langganan perkhidmatan, sijil perkhidmatan dan **Terma dan Syarat Perkhidmatan yang terbaru akan dikeluarkan*

- 1.9.4 Resit bayaran untuk AI-Wasitah. Pelanggan** boleh mendapatkan resit pembayaran dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas **Syarikat** meluluskan pembayaran tersebut melalui Dai'e atau e-mel atau hubungi terus **CARELINE** di **03-7680 2000**.
- 1.9.5 Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini yang menzahir dan memperincikan spesifikasi perkhidmatan **Syarikat**. Terma dan Syarat Perkhidmatan ini boleh dihantar secara fizikal (pos), di e-mel kepada pelanggan.

Sekiranya **Pelanggan tidak menerima mana-mana daripada perkara di atas, **Pelanggan** dikehendaki menghubungi **CARELINE** di **03-7680 2000**.*

1.10 NOTIS PINDAAN

- 1.10.1** Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini mengikat waris-waris, wasi, pentadbir harta pusaka dan semua pihak yang berkepentingan ke atas harta pusaka **Pelanggan**.
- 1.10.2** Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberi nilai tambah (*value added*) kepada **Pelanggan**, kecuali bagi syarat berkaitan fi langganan dan tahap maksima tanggungan, **Syarikat** pada bila-bila masa boleh mengubah mana-mana peruntukan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dengan menghantar satu (1) notis bertempoh tiga puluh (30) hari melalui pos, sms dan/atau email kepada **Pelanggan**. Bukti penghantaran notis ini dianggap sebagai bukti penerimaan oleh **Pelanggan**.

- 1.10.3 Pelanggan** mempunyai hak untuk tidak bersetuju dengan apa-apa pindaan berkenaan dengan menghantar satu notis bertulis kepada **Syarikat** sebelum tamat tempoh notis 30 hari di atas.
- 1.10.4 Pelanggan** yang telah bertindak mengikut peruntukan 1.10.3 di atas dianggap telah tidak bersetuju dengan pindaan yang dinotiskan dan pindaan tersebut dianggap tidak tertakluk ke atas mereka. **Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang asal dianggap berkuatkuasa untuk **Pelanggan** berkenaan tertakluk kepada penerimaan notis dari **Pelanggan** di dalam tempoh 30 hari di atas.
- 1.10.5** Bagi perubahan jumlah fi perkhidmatan dan tahap maksima tanggungan, notis selama enam puluh (60) hari perlu diberikan **Syarikat** dan hanya boleh dilaksanakan jika **Pelanggan** bersetuju.

1.11 PENGAKTIFAN SEMULA

- 1.11.1** Sekiranya **Pelanggan** tidak membayar (*lapse payment*) di dalam tempoh 30 hari (1 kali bayaran) dan ke atas, **Pelanggan** boleh mengaktifkan semula langganannya dan mendapat hak seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dengan menyambung kembali bayaran bulanannya seperti biasa pada bulan yang berikutnya. Adalah dipersetujui, **Pelanggan** boleh mendapat kembali haknya seperti di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini tetapi tempoh keseluruhan bayarannya adalah tetap iaitu bagi 180 bulan. Tiada sebarang bayaran tunggakan perlu dibuat oleh **Pelanggan** bagi bulan-bulan di mana **Pelanggan** telah gagal membayar (*lapse*).
- 1.11.2** Sekiranya **Pelanggan** tidak membayar fi perkhidmatan selama enam (6) bulan berturut-turut hak **Pelanggan** ke atas

perkhidmatan ini hendaklah dianggap terbatal dan sekiranya **Pelanggan** berhasrat untuk kembali mendapatkan manfaat seperti di dalam Terma dan Klausa ini. **Pelanggan** perlu mendaftar sebagai **Pelanggan** baru dan tertakluk ke atas Terma dan Syarat Perkhidmatan seperti **Pelanggan** baru.

- 1.11.3** Sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia dalam keadaan langganannya masih sah (*valid*) tetapi terdapat bulan-bulan sebelumnya yang tidak berbayar, tunggakan tersebut akan ditolak daripada maksima tanggungan pusaka dan sekiranya tidak mencukupi, tanggungjawab untuk menjelaskan baki tersebut adalah kepada waris. Sekiranya semua syarat diatas dipenuhi, **Syarikat** akan menjalankan tanggungjawabnya menguruskan proses pusaka **Pelanggan**.

1.12 PERTUKARAN PERKHIDMATAN LANGGANAN AL-WASITAH

- 1.12.1** **Pelanggan** (tertakluk kepada had umur) boleh memilih untuk melanggan perkhidmatan Al-Wasitah yang lain dengan mengemukakan notis bertulis kepada **Syarikat** untuk menukar langganan perkhidmatan Al-Wasitah sedia ada serta mengisi borang langganan perkhidmatan Al-Wasitah yang baru. **Pelanggan** tertakluk kepada segala syarat perkhidmatan langganan Al-Wasitah yang baru.

- 1.12.2** Sekiranya **Pelanggan** gagal memberikan notis pertukaran untuk perkhidmatan Al- Wasitah sedia ada dalam keadaan telah melanggan perkhidmatan Al-Wasitah yang baru seperti di dalam klausa 1.12.1 di atas dan meninggal dunia dalam tempoh sah Al- Wasitah yang baru, di dalam keadaan terdapat dua langganan perkhidmatan Al-Wasitah, hanya manfaat perkhidmatan Al-Wasitah yang terkini sahaja akan diterima waris.

- 1.12.3** Adalah dipersetujui bersama, sekiranya **Pelanggan**

meninggal dunia sebelum tempoh sah tarikh langganan AI-Wasitah yang baru, walaupun dalam keadaan **Pelanggan** telah menukar langganan AI-Wasitah terdahulu, hanya manfaat AI-Wasitah terdahulu sahaja yang berhak dinikmati oleh waris dengan syarat AI-Wasitah terdahulu masih sah semasa pertukaran perkhidmatan dibuat.

1.13 PEMBATALAN

Langganan perkhidmatan ini boleh dibatalkan oleh **Pelanggan** pada bila-bila masa dengan memberi borang secara bertulis bertempoh tiga puluh (30) hari kepada **Syarikat**. Tiada sebarang pemulangan fi perkhidmatan yang telah dijelaskan sebelumnya akan dibuat kepada **Pelanggan**.

1.14 RISIKO YANG DIKECUALIKAN.

1.14.1 Tertakluk kepada tempoh waris berhak ke atas perkhidmatan seperti dinyatakan di dalam klausa 1.8.6.2, sekiranya **Pelanggan** merahsiakan status penyakit yang dihadapinya ketika pendaftaran perkhidmatan **AI-Wasitah** dan **Pelanggan** meninggal dunia akibat penyakit tersebut dalam tempoh kurang dari seratus lapan puluh (180) hari, **Syarikat** berhak untuk tidak memenuhi obligasinya mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.14.2 Syarat di dalam klausa 1.14.1 di atas tidak tergunapakai sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia akibat kemalangan.

1.14.3 Tertakluk kepada klausa 1.8.6. Terma dan Syarat Perkhidmatan ini, sekiranya pelanggan meninggal dunia di dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh terakhir efektif bayaran awal seperti yang dipilih pelanggan ketika baru mendaftar untuk langganan perkhidmatan ini dengan tarikh di mana pemotongan bulanan melalui bayaran *auto debit/direct debit/debit purchase* atau kaedah lain

pemotongan bayaran bulanan bank diterima oleh Syarikat, waris pelanggan akan menerima manfaat perkhidmatan seperti yang tertera di dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan ini.

Contoh : Ali melanggan perkhidmatan Al-Wasitah dan pendaftaran Ali diluluskan pada 1.1.2021. Bayaran ini adalah efektif untuk langganan Al-Wasitah sehingga ke tarikh 1.2.2021.

Bayaran melalui kaedah *auto debit/direct debit/debit purchase* atau kaedah lain pemotongan bayaran bulanan bank diterima oleh pihak Syarikat untuk tujuan langganan Al-Wasitah Ali pada 27.2.2021. Sekiranya Ali meninggal dunia pada bila-bila tarikh di antara 1.2.2021 sehingga 1.3.2021, waris Ali akan menerima manfaat seperti yang ditetapkan di dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan ini.

Walaupun begitu, sekiranya Syarikat menerima bayaran melalui *auto debit/direct debit/debit purchase* atau kaedah lain pemotongan bayaran bulanan bank selepas dari tarikh 1.3.2021 dan Ali pula meninggal selepas tarikh 1.3.2021 dalam keadaan Syarikat belum menerima bayaran dari bank berkenaan, maka waris Ali tidak berhak untuk menerima manfaat seperti yang ditetapkan di dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan ini.

Contohnya Syarikat menerima bayaran dari bank pada 1.3.2021 dan Ali meninggal dunia pada 15.3.2021. Waris Ali tidak akan menerima manfaat Al-Wasitah ini kerana Ali telah meninggal dunia di dalam tempoh melangkaui 30 hari dari tarikh terakhir efektif bayaran awalnya iaitu 1.2.2021.

1.15 AKAUN TABARRU'.

1.15.1 Pelanggan faham dan bersetuju bahawa sebahagian dari fi perkhidmatan iaitu seperti dinyatakan di dalam **LAMPIRAN 1**, akan disumbangkan ke dalam satu **Akaun Tabarru'**. Di dalam konteks perkhidmatan **AI-Wasitah Delima**, Tabarru' bermaksud derma ikhlas yang diberikan oleh **Pelanggan** mengikut kadar sumbangan seperti di dalam **LAMPIRAN 1**, tanpa meminta pertukaran atau balasan, untuk saling memberikan bantuan secara bersama di atas konsep ta'awun kepada **Pelanggan** lain yang turut sama menyumbang di dalam akaun berkenaan untuk tujuan menampung kos mengikut klausa 2.2 dan 2.4 dibawah.

1.15.2 Deklarasi Amanah (*Trust Declaration*)

1.15.2.1 Pelanggan dengan ini mengaku faham bahawa **Pelanggan** telah dijelaskan dengan sepenuhnya mengenai operasi, pelaksanaan dan pengurusan **Akaun Tabarru'** bagi perkhidmatan **AI-Wasitah Delima** ini. Atas sebab itu, **Pelanggan** dengan ini redha serta bersetuju bahawa sebahagian dari fi perkhidmatan yang dibayar **Pelanggan** seperti **LAMPIRAN 1** akan disumbang ke dalam **Akaun Tabarru'** ini bagi tujuan seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.15.2.2 Pelanggan faham bahawa **Syarikat** adalah sebuah entiti yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 serta mempunyai kuasa sebagai Pemegang Amanah di bawah peruntukan undang-undang untuk menguruskan **Akaun Tabarru'** sebagai **Pemegang Amanah** bagi pihak **Pelanggan**.

1.15.2.3 Pelanggan dengan ini faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** bersetuju melantik **Syarikat**

sebagai **Pemegang Amanah** untuk **memegang secara amanah (hold on trust)** bagi mengumpul dan mengurus sumbangan **Pelanggan** di dalam **Akaun Tabarru'** tersebut. **Pelanggan** juga faham dan bersetuju bahawa **Akaun Tabarru'** ini akan diuruskan secara kolektif oleh **Syarikat** bagi pihak semua **Pelanggan** yang lain.

1.15.2.4 Syarikat dengan ini bersetuju dengan perlantikan sebagai **Pemegang Amanah** bagi pihak **Pelanggan** bagi menguruskan **Akaun Tabarru'** ini dan mengaku janji untuk melaksanakan tanggungjawabnya selaras dengan peruntukan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.15.3 Pelanggan faham dan bersetuju bahawa kesemua fi perkhidmatan adalah dibayar di atas nama **Syarikat** dan dikreditkan ke dalam akaun operasi **Syarikat**. **Syarikat** kemudiannya bertanggungjawab untuk mengasingkan sumbangan ke **Akaun Tabarru'** mengikut pecahan seperti di **LAMPIRAN 1** untuk dikreditkan ke dalam satu akaun berasingan sebagai akaun amanah (*Trust Account*).

1.15.4 Akaun Tabarru' ini kemudiannya akan diuruskan secara berasingan dari mana-mana akaun operasi **Syarikat** dengan tujuan utama digunakan bagi manfaat waris **Pelanggan** dengan tujuan seperti dinyatakan di dalam klausa 2.2 dan 2.4 di bawah. **Akaun Tabarru'** ini juga adalah dikawal selia sepenuhnya oleh Jawatankuasa Amanah dan Pelaburan yang dilantik **Syarikat** dan diaudit secara berasingan dari akaun operasi **Syarikat**.

1.15.5 Di dalam apa jua keadaan, **Syarikat** tidak akan menggunakan dana di dalam **Akaun Tabarru'** ini untuk apa-apa tujuan kecuali bagi tujuan seperti dinyatakan di

dalam klausa 2.2 dan 2.4 di bawah sahaja.

- 1.15.6 Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa apabila berlaku kematian kepada mana-mana **Pelanggan, Syarikat** akan mendebit **Akaun Tabarru'** berdasarkan jumlah kos pengurusan mengikut Penyata Akhir seperti di dalam klausa 2.4.7 di bawah. Proses mendebit **Akaun Tabarru'** ini akan dibuat bagi tempoh dan pada tarikh yang ditetapkan **Syarikat**.
- 1.15.7 Pelanggan** dengan ini faham dan bersetuju untuk memberi kuasa penuh kepada Syarikat untuk menguruskan Akaun Tabarru' ini mengikut kaedah yang difikirkan sesuai oleh Syarikat.
- 1.15.8 Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** tidak akan menikmati apa-apa keuntungan peribadi yang dibayar secara terus kepadanya dari **Akaun Tabarru'** ini.
- 1.15.9 Pelanggan** faham bahawa **Pelanggan** tidak boleh menuntut sumbangan yang telah diberinya kepada **Akaun Tabarru'** apabila langganannya sudah tidak sah (*invalid*) atau apabila **Pelanggan** membatalkan langganannya.
- 1.15.10** Adalah dipersetujui bersama oleh **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa keseluruhan klausa 1.15 ini adalah dianggap sebagai deklarasi amanah (*trust declaration*) di antara **Pelanggan** dan **Syarikat** bagi melaksanakan tanggungjawabnya menguruskan **Akaun tabarru'** ini.
- 1.15.11** Selain dari kuasa dan tanggungjawab yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini, adalah diperakui bersama bahawa kuasa **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah** kepada **Akaun Tabarru'** ini adalah tertakluk sepenuhnya di bawah **Akta Pemegang Amanah**

2. MANFAAT UNTUK PELANGGAN / WARIS

Pelanggan faham dan bersetuju bahawa, fi perkhidmatan yang dibayarnya mengikut pecahan seperti **Lampiran 1** adalah bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan seperti berikut :

2.1 PERKHIDMATAN KETIKA HIDUP UNTUK PELANGGAN.

2.1.1 Perkhidmatan Penyediaan Dokumen Perlantikan Wasi.

Pelanggan akan disediakan dengan **Dokumen Perlantikan Wasi** yang berfungsi sebagai dokumen yang melantik Wasi bagi menguruskan harta pusaka **Pelanggan**. Bagi harta pusaka **Pelanggan** yang bernilai kurang dari RM 2 juta dan mempunyai harta tak alih (hartanah), kes pusaka **Pelanggan** akan dibicarakan di Pejabat Pusaka Kecil. Ketika bicara kuasa, Dokumen Perlantikan Wasi ini akan bertindak sebagai panduan untuk melantik pentadbir harta pusaka **Pelanggan**. Perlantikan Pentadbir berdasarkan **Dokumen Perlantikan Wasi** ini hanya akan berkuatkuasa jika dipersetujui oleh semua waris **Pelanggan**. Sekiranya tidak dipersetujui, perlantikan Pentadbir berdasarkan permuafakatan waris ketika bicara kuasa akan diambil kira.

Bagi harta pusaka si mati yang bernilai melebihi RM 2 juta atau keadaan- keadaan tertentu, kes ini akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Sivil. **Dokumen Perlantikan Wasi** ini akan berkuatkuasa mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dan Grant of Probate akan dikeluarkan di atas nama wasi yang dilantik di dalam dokumen tersebut.

2.1.2 Perkhidmatan Penyediaan Dokumen Wasiyyah 1/3.

Dokumen ini bertindak sebagai dokumen yang menzahirkan hasrat pelanggan untuk mewasiatkan pada tahap maksima

1/3 dari harta pusakanya kepada bukan waris bagi tujuan amal jariah. Bukan waris di sini bermaksud pihak yang tidak menerima harta pusaka mengikut Hukum Faraid seperti anak angkat, anak tiri, anak saudara, masjid, surau, rumah anak yatim atau organisasi yang lain.

2.1.3 Perkhidmatan Perubahan Dokumen Perlantikan Wasi dan Dokumen Wasiyyah 1/3.

Di sepanjang tempoh sah langganan perkhidmatan ini dan selepas **Pelanggan** menikmati manfaat seumur hidup seperti klausa 2.1.5 di bawah, **Pelanggan** boleh pada bila-bila masa membuat perubahan kedua-dua dokumen di atas.

** Bagi semua perkhidmatan di atas, **Pelanggan** diminta menghubungi **CARELINE** di talian **03- 7680 2000** bagi mendapatkannya. Perkhidmatan ini hanya berhak ke atas **Pelanggan** di dalam keadaan langganannya sah dan fi langganan bulanan dibayar.*

2.1.4 Perkhidmatan penyimpanan dokumen seumur hidup (lifetime safekeeping of documents)

2.1.4.1 Di sepanjang tempoh sah langganan perkhidmatan ini **DAN** setelah **Pelanggan** melengkapkan bayaran 180 bulan, **Syarikat** akan menyimpanselamat dokumen berkenaan (*safekeeping of documents*) bagi pihak **Pelanggan**. Walaubagaimanapun sekiranya fi perkhidmatan **Pelanggan** tidak berbayar dan dibatalkan mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini atau **Pelanggan** telah membatalkan langganannya, **Syarikat** akan memulangkan semula dokumen-dokumen **Pelanggan** untuk disimpanselamat sendiri oleh **Pelanggan**.

2.1.4.2 Syarikat boleh memilih untuk menyimpan selamat dokumentasi didalam bentuk digital.

2.1.5 Manfaat seumur hidup.

Pelanggan berhak untuk mendapatkan manfaat **AI-Wasitah** seumur hidup sekiranya **Pelanggan** telah membuat bayaran bulanan **AI-Wasitah** untuk tempoh lima belas (15) tahun (180 bulan). Ini bermakna selepas membayar selama tempoh tersebut, **Pelanggan** tidak perlu lagi membayar namun masih menikmati segala manfaat **AI-Wasitah** seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

2.2 PERKHIDMATAN UNTUK WARIS SELEPAS KEMATIAN PELANGGAN.

Tertakluk kepada **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini, adalah dipersetujui bersama oleh **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa selepas kematian **Pelanggan**, waris-waris **Pelanggan** akan menerima perkhidmatan seperti di bawah dan kos kepada perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah ditanggung oleh **Akaun Tabarru'**.

2.2.1 Perkhidmatan rundingcara harta pusaka.

Apabila berlaku kematian kepada **Pelanggan**, waris diminta untuk menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000** untuk memaklumkan kepada **Syarikat** mengenai kematian **Pelanggan**.

Syarikat akan meminta waris untuk menetapkan satu tarikh temujanji di mana semua waris-waris mengikut Hukum Faraid perlu hadir. Temujanji boleh dilakukan di mana sahaja lokasi pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai oleh waris bergantung kepada kebolehsediaan (*availability*) wakil **Syarikat**. **Syarikat** mempunyai budibicara untuk hadir ke temujanji yang dikehendaki oleh waris tertakluk kepada jadual

wakil berkenaan. **Syarikat** akan menghantar wakil untuk menghadiri sesi temujanji tersebut dan menjelaskan mengenai perkara berikut:

2.2.1.1 ‘Dokumen Perlantikan Wasi’ dan ‘Dokumen Wasiyyah 1/3’ (jika ada) yang telah dibuat oleh simati semasa hidupnya. Waris-waris akan dijelaskan mengenai undang-undang Sivill dan Syariah yang berkaitan dengan dokumen yang telah dibuat serta kesannya ke atas proses pengurusan harta pusaka si mati.

2.2.1.2 Proses perundangan yang perlu dilalui oleh waris-waris. Waris-waris juga akan diterangkan mengenai proses perundangan yang perlu dilalui sebelum mereka boleh menerima harta pusaka si mati.

2.2.1.3 Penjelasan tentang skop perkhidmatan dan tahap maksima tanggungan oleh Syarikat. Waris-waris akan dijelaskan mengenai skop perkhidmatan dan apakah kos yang ditanggung oleh **Syarikat** bagi menguruskan harta pusaka **Pelanggan** berdasarkan Terma dan Syarat Perkhidmatan ini.

2.2.2 Perkhidmatan pengurusan harta pusaka.

2.2.2.1 Apabila berlaku kematian kepada **Pelanggan**, semua kos pengurusan harta pusaka yang berkaitan akan ditanggung oleh **Syarikat** mengikut tahap maksima tanggungan yang ditetapkan seperti di bawah :

Tahap Maksima Tanggungan.	RM 10,000
---------------------------	-----------

Contoh pengiraan boleh dirujuk pada **klausa 2.4 Tahap Maksima Tanggungan**. Manakala contoh kos yang ditanggung dan kos yang tidak ditanggung adalah seperti di dalam klausa 2.4.5 dan 2.4.6 di bawah.

2.2.2.2 Kos pengurusan harta pusaka hanya meliputi urusan di Pejabat Pusaka Kecil dan Mahkamah Tinggi Sivil sahaja dan tidak termasuk kos pengurusan di Mahkamah Tinggi Syariah (jika ada) dan kos untuk mendapatkan Sijil Faraid (jika perlu). Kedua-dua kos ini perlu ditampung oleh waris- waris **Pelanggan** dari harta pusaka **Pelanggan** atau sumbangan dari waris-waris sendiri.

2.2.2.3 **Syarikat** akan membantu waris melalui proses pengurusan harta pusaka sehingga mendapat Surat Kuasa Mentadbir / Perintah Pembahagian (sekiranya urusan pusaka berlaku di Pejabat Pusaka Kecil) ATAU *Letter of Administration / Grant of Probate/ Distribution Order* (sekiranya urusan pusaka berlaku di Mahkamah Tinggi Sivil).

2.2.2.4 Segala bayaran statutori yang dikenakan oleh agensi kerajaan yang berkaitan dengan urusan harta pusaka ditanggung oleh waris.

2.2.2.5 Merujuk kepada 2.2.2.1 di atas, sekiranya kos pengurusan harta pusaka melebihi jumlah tahap maksima tanggungan, lebihan kos akan ditanggung oleh waris.

2.2.2.6 Bagi pelanggan yang kesnya dibicarakan di

Amanah Raya Berhad (jika perlu), **Syarikat** akan hanya memberikan perkhidmatan rundingcara sahaja dan seterusnya membayar manfaat mengikut tahap maksima tanggungan kepada waris selepas ditolak **kos pentadbiran*** selepas kesemua proses pengurusan pusaka si mati diselesaikan di Amanah Raya Berhad.

****Kos pentadbiran bergantung kepada perkhidmatan yang telah diberikan oleh Syarikat kepada waris.***

2.2.2.7 Manfaat perkhidmatan pengurusan harta pusaka ini hanya akan dinikmati oleh waris selepas **Pelanggan** melengkapkan bayaran fi langganan minima seperti yang ditetapkan di dalam klausa 1.8.4.

2.3 Khairat kematian RM1,000.00

Apabila **Pelanggan** meninggal dunia dan kematian dimaklumkan kepada **Syarikat**, **Syarikat** akan membayar seribu ringgit (RM1,000.00) khairat kematian kepada waris- waris ketika sesi pembacaan khutbah pusaka dilaksanakan sahaja. Kesemua **Pelanggan** bersetuju dan faham bahawa bayaran untuk khairat kematian ini akan didebit dari **Akaun Tabarru'**.

Khairat kematian akan hanya dibayar kepada waris pelanggan-pelanggan yang meninggal dunia dalam keadaan langganannya masih sah dan tertakluk kepada klausa 1.11.3 di atas.

2.4 TAHAP MAKSIMA TANGGUNGAN.

2.4.1 Tahap maksima tanggungan merujuk kepada tahap maksima tanggungan kos pengurusan harta pusaka yang akan ditanggung oleh **Syarikat** bagi pihak **Pelanggan**.

2.4.2 Tahap maksima tanggungan untuk **Pelanggan** perkhidmatan **AI-Wasitah Delima** ialah seperti di dalam klausa 2.2.2.1 di atas. Tanggungan bagi kos ini adalah diambil dari **Akaun Tabarru'** sumbangan semua **Pelanggan** AI-Wasitah.

2.4.3 Sekiranya kos sebenar pengurusan harta pusaka kurang daripada tahap maksima tanggungan, baki tahap maksima tanggungan adalah sumbangan **Pelanggan** kepada **Akaun Tabarru'** sebagai amal jariahnya bagi diuruskan oleh **Syarikat** untuk menampung kos pengurusan harta pusaka untuk **Pelanggan** yang lain.

Contoh : *En Mahmud ialah **Pelanggan AI-Wasitah Delima**. Apabila beliau meninggal dunia, **Syarikat** telah membantu waris melalui prosedur perundangan di Pejabat Pusaka Kecil untuk menuntut harta pusaka En Mahmud. Selepas selesai kesemua proses, kos sebenar untuk menguruskan kes ini ialah sebanyak RM 9,000.00 Oleh kerana tahap maksima tanggungan **AI-Wasitah Delima** ialah RM 10,000, RM1,000 adalah sumbangan amal jariah En Mahmud ke dalam Akaun Tabarru' bagi kegunaan kes pengurusan pusaka **Pelanggan** yang lain. Penyata Akhir Pengurusan Harta Pusaka akan dikeluarkan kepada Pentadbir selepas Surat Kuasa Mentadbir / Perintah Pembahagian diterima oleh Pentadbir bagi menunjukkan jumlah sumbangan ke Akaun Tabarru' ini.*

2.4.4 Sekiranya kos sebenar pengurusan pusaka melebihi dari

tahap maksima tanggungan, baki kos perlu dibayar oleh Wasi / Pentadbir.

Contoh: *En Ali ialah pelanggan **AI-Wasitah Delima**. Apabila beliau meninggal dunia, **Syarikat** telah membantu waris melalui prosedur perundangan untuk menuntut harta pusaka En Ali. Selepas selesai kesemua proses, kos sebenar untuk menguruskan kes ini ialah sebanyak RM13,000. Oleh kerana tahap maksima tanggungan **AI-Wasitah Delima** ialah RM 10,000.00, RM 3,000.00 baki kos perlu dibayar oleh Pentadbir / Wasi kepada **Syarikat**. Baki kos lebihan ini hanya perlu dibayar selepas Pentadbir / Wasi menerima Penyata Akhir Pengurusan Harta Pusaka dikeluarkan oleh **Syarikat**. (rujuk klausa 2.4.7)*

2.4.5 Kos yang akan ditanggung melalui tahap maksima tanggungan ialah :

2.4.5.1 Khidmat rundingcara peribadi pengurusan harta pusaka dan pembacaan khutbah pusaka (sekali sahaja) di mana-mana lokasi di Semenanjung Malaysia pada bila-bila masa yang dikehendaki waris (tertakluk kepada kebolehsediaan Pegawai **Syarikat**).

2.4.5.2 Kos memfailkan permohonan pusaka dan kos perbicaraan di Pejabat Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sivil (yang mana difikirkan sesuai mengikut nasihat **Syarikat**).

2.4.5.3 Kos seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah sehingga ke tahap di mana Surat Kuasa Mentadbir/Perintah Pembahagian Harta Pusaka dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan.

2.4.5.4 Kos perbicaraan yang ditanggung adalah bagi permohonan kes kali pertama sahaja. Sekiranya terdapat ulang bicara, kos ini tidak lagi ditanggung oleh **Syarikat**.

2.4.5.5 Fi carian rasmi hartanah (terhadap kepada tiga carian sahaja).

2.4.6 Kos yang tidak akan ditanggung melalui tahap maksima tanggungan ialah :

2.4.6.1 Caj bagi Bayaran Perintah Pusaka Kecil (bermula 0.2% dari keseluruhan nilai harta pusaka si mati di antara RM50,000.00 hingga RM2 juta dan caj selebihnya mengikut skala yang ditetapkan oleh Pusaka Kecil).

2.4.6.2 Kos Sijil Faraid, kos peguam dilantik bagi mendapatkan Sijil Faraid dan apa-apa kos di Mahkamah Tinggi Syariah (jika ada), atau apa sahaja liabiliti atau cukai tertunggak yang ditinggalkan oleh **Pelanggan**.

2.4.6.3 Kos guaman untuk pengesahan Dokumen Wasiyyah 1/3, harta sepencarian atau hibah di Mahkamah Tinggi Syariah (jika perlu).

2.4.6.4 Kos untuk apa-apa caj yang mungkin dikenakan pada masa hadapan oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan urusan harta pusaka seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

2.4.6.5 Fi carian rasmi hartanah jika Pelanggan meninggalkan lebih dari tiga hartanah.

2.4.6.6 Sekiranya terdapat ulang bicara atas apa sebab sekalipun, kos ini tidak lagi ditanggung oleh Syarikat

Contoh : Jika Keseluruhan Nilai Harta Pusaka Pelanggan ialah RM2 Juta, Caj Bayaran Perintah Pejabat Pusaka Kecil ialah 0.2% iaitu sebanyak RM4,000.00 adalah tidak termasuk di dalam kos yang akan ditanggung melalui tahap maksima tanggungan.

KOS DITANGGUNG	KOS TIDAK DITANGGUNG
<ol style="list-style-type: none"> 1. Khidmat rundingcara dan rundingcara pengurusan harta pusaka peribadi (sekali sahaja) di mana-mana lokasi di Semenanjung Malaysia pada bila-bila masa yang dikehendaki waris (tertakluk kepada kebolehsediaan Pegawai Syarikat). 2. Kos memfailkan kes di Pejabat Pusaka Kecil yang berkenaan. 3. Kos carian rasmi hartanah di pejabat tanah berkenaan dan salinan sah hakmilik (terhad kepada 3 carian sahaja). 4. Kos Kehadiran Pegawai Syarikat pada Hari Perbicaraan (Pejabat Pusaka Kecil & Mahkamah Tinggi Sivil). 5. Pengesahan Akuan Bersumpah (Borang A sahaja) 6. Kos Perbatuan. 7. Kos dokumentasi, percetakan, telefon dan pentadbiran. <p>*Kos yang ditanggung adalah sehingga mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir / Perintah Pembahagian (bagi kes Pejabat Pusaka Kecil) atau Letter of Administration / Grant of Probate/ Distribution Order (bagi kes Mahkamah Tinggi Sivil) sahaja. Kos yang ditanggung tertakluk kepada Tahap Maksima Tanggungan seperti di dalam klausa 2.4.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Caj bayaran Perintah (yang ditetapkan oleh Pejabat Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sivil). 2. Kos untuk mendapatkan Sijil Faraid dari Mahkamah Tinggi Syariah sekiranya diperlu / diarahkan oleh Pejabat Pesaka Kecil / Mahkamah Tinggi Sivil atau sekiranya terdapat apa-apa keperluan untuk Sijil Faraid bagi tujuan penyelesaian kes pusaka Pelanggan. 3. Kos Peguam Syarie (jika perlu) bagi tujuan penyelesaian kes pusaka Pelanggan. 4. Kos Mahkamah Tinggi Syariah (jika perlu) bagi pengesahan wasiyyah 1/3. 5. Apa-apa cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa atau liabiliti tertunggak dari harta pusaka Pelanggan. 6. Sekiranya terdapat ulang bicara kerana harta pusaka yang tertinggal atau waris yang tertinggal atau apa sebab sekalipun , kos ini tidak lagi ditanggung melalui Akaun Tabarru'. 7. Sebarang kos-kos lain yang terlibat dalam proses pengurusan dan agihan harta pusaka kepada waris yang tidak disebut secara spesifik didalam jadual “ Kos ditanggung “ pada jadual di sebelah.

2.4.7 PENYATA AKHIR PENGURUSAN HARTA PUSAKA.

Selepas segala urusan pusaka selesai, **Syarikat** akan mengeluarkan Penyata Akhir Pengurusan Harta Pusaka yang akan mengandungi maklumat seperti berikut :

- 2.4.7.1 Penyata Akhir Pengurusan Harta Pusaka dikeluarkan untuk memperincikan semua butiran kos yang telah dibelanjakan untuk menguruskan kes pusaka berkenaan (kos yang ditanggung seperti jadual diatas sahaja).
- 2.4.7.2 Penyata ini dikeluarkan selepas Surat Kuasa Mentadbir/ Perintah Pembahagian (bagi kes Pejabat Pusaka Kecil) atau *Letter of Administration /Grant of Probate* (bagi kes Mahkamah Tinggi Sivil) dengan merujuk kepada klausa 2.4 (bagi kes di mana Wasi / Pentadbir ialah di kalangan waris).
- 2.4.7.3 Bagi kes di mana **Syarikat** bertindak sebagai Wasi / Pentadbir, penyata ini akan dikeluarkan apabila kesemua urusan agihan harta kepada waris telah dimuktamadkan.
- 2.4.7.4 Apa sahaja pembayaran baki lebihan kos yang perlu dibayar oleh Wasi / Pentadbir kepada **Syarikat** (jika ada), hanya perlu dibayar selepas Penyata Akhir Pengurusan Harta Pusaka ini dikeluarkan oleh **Syarikat**.
- 2.4.7.5 Sekiranya terdapat baki di antara jumlah kos pengurusan harta pusaka yang dinyatakan di dalam Penyata Akhir dan tahap maksima tanggungan, satu Sijil Amal Jariah akan dikeluarkan kepada Pentadbir / Wasi bagi memaklumkan jumlah baki tersebut sebagai sumbangan amal jariah **Pelanggan** ke dalam **Akaun Tabarru'**.

3. INDEMNITI SYARIKAT

3.1 Tujuan :

- 3.1.1** Sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia di dalam tempoh kurang dari yang ditetapkan di dalam klausa 1.8.6.2 atau di dalam keadaan fi perkhidmatannya telah 'lapse' (tidak berbayar), waris-waris tidak berhak untuk menikmati apa-apa manfaat seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini kecuali yang dinyatakan di dalam klausa 1.8.6.3 di atas.
- 3.1.2** **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung apa-apa kos atau memberikan apa-apa perkhidmatan kepada waris sekiranya selepas kematian **Pelanggan**, waris telah mendapatkan perkhidmatan pengurusan harta pusaka dari pihak ketiga atau menguruskan sendiri proses pengurusan harta pusaka tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Syarikat. Waris dianggap telah melepaskan (indemniti) Syarikat dari apa-apa obligasi berdasarkan Terma dan Syarat Perkhidmatan ini jika bertindak mendapatkan perkhidmatan pengurusan pusaka dari pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis Syarikat.
- 3.1.3** Kedua-dua pihak **Pelanggan** dan **Syarikat** bersetuju dan faham bahawa perkhidmatan **Al-Wasitah** ialah perkhidmatan yang menjurus kepada membantu waris menyelesaikan proses tuntutan harta pusaka **Pelanggan** sahaja dan bukan sebarang bentuk simpanan (deposit) atau apa-apa skim pelaburan kewangan yang menjanjikan pulangan berbentuk kewangan. Segala fi perkhidmatan yang dibayar adalah bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan seperti yang termaktub di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini sahaja dan adalah mengikut keperluan undang-undang.

- 3.1.4 Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa **Syarikat** adalah sebuah entiti yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 dan mempunyai kuasa undang-undang untuk menjalankan tanggungjawab di bawah **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.
- 3.1.5 Terma dan Syarat Perkhidmatan** mengikat waris. Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini mengikat waris-waris, wasi, pentadbir harta pusaka dan semua pihak yang berkepentingan.
- 3.1.6** Sekiranya waris-waris gagal memaklumkan kepada **Syarikat** tentang kematian **Pelanggan** di dalam tempoh lapan belas (18) bulan dari tarikh kematian atau waris-waris gagal menyediakan semua dokumen yang dikehendaki **Syarikat** di dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh khutbah pusaka, waris-waris dianggap telah mengindemniti **Syarikat** dari memberi perkhidmatan mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini kepada waris-waris dan **Syarikat** tidak lagi bertanggungjawab untuk menguruskan harta pusaka **Pelanggan**. Waris-waris dengan ini bersetuju tiada sebarang tuntutan akan dibuat oleh waris-waris.
- 3.1.7** Sekiranya waris-waris bersetuju tiada keperluan untuk Syarikat menguruskan harta pusaka pelanggan kerana pelanggan tidak meninggalkan sebarang harta pusaka atau waris-waris ingin menguruskan harta pusaka tanpa bantuan Syarikat, maka waris-waris dengan ini bersetuju bahawa tiada sebarang tuntutan akan dibuat kepada Syarikat. Waris-waris dianggap telah mengindemniti Syarikat.
-

LAMPIRAN 1

FI PERKHIDMATAN AL WASITAH DELIMA SERTA PECAHANNYA.

BAYARAN / UMUR	FI PERKHIDMATAN	PECAHAN BAYARAN
RM 50 / bulan (18 – 45 tahun)	RM 40 RM 10	Fi Perkhidmatan Sumbangan ke Akaun Tabarru'
RM 60 / bulan (46 – 60 tahun)	RM 40 RM 20	Fi Perkhidmatan Sumbangan ke Akaun Tabarru'

KAEDAH BAYARAN FI KEWANGAN (*FINANCIAL CHARGES*) YANG DIKENAKAN INSTITUSI KEWANGAN BAGI POTONGAN AUTOMATIK FI PERKHIDMATAN AL-WASITAH DELIMA.

- 3.1.8** Caj kewangan (*financial charges*) yang dikenakan oleh institusi kewangan bagi tujuan potongan akaun bulanan adalah **TIDAK TERMASUK** sebagai sebahagian dari fi perkhidmatan di atas.
- 3.1.9** Sekiranya Pelanggan membayar melalui potongan akaun dan caj kewangan (*financial charges*) untuk itu dikenakan kepada Syarikat, Syarikat akan mengenakan caj kewangan (*financial charges*) itu semula kepada Pelanggan dengan memasukkan caj kewangan tersebut ke dalam fi perkhidmatan.

Contoh : A menggunakan perkhidmatan Bank A untuk tujuan potongan akaun. Bank A mengenakan caj kewangan RM 2 kepada Syarikat untuk setiap transaksi potongan. Pelanggan dengan ini perlumembayar RM 52 kepada Syarikat. RM 50 bagi fi perkhidmatan dan RM 2 untuk caj kewangan.

3.1.10 Sekiranya Bank memotong apa-apa caj kewangan dari akaun Pelanggan untuk melaksanakan potongan bulanan, caj kewangan ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan.

Contoh : B menggunakan perkhidmatan Bank B dan Bank B mengenakan caj kewangan RM 2 kepada Pelanggan dengan memotong akaun Pelanggan. Bayaran fi perkhidmatan Pelanggan kepada Syarikat adalah tetap pada RM 50 sahaja.

